

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R. SANTIAGO [KLANG]**

**TARIKH : 17 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [ Klang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kini dalam realisasikan pembinaan dua loji tenaga nuklear. Adakah pihak Kerajaan telah mengenal pasti lokasi-lokasinya dan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan perundingan awam di kawasan-kawasan ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas [*Special Purpose Vehicle* (SPV)] bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Pada masa ini, kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear belum dilaksanakan. Oleh itu, lokasinya juga belum diputuskan. Apabila kajian penilaian tapak dilaksanakan, maklumbalas daripada masyarakat setempat di sekitar tapak berkenaan akan dijalankan berdasarkan kepada perundangan, peraturan dan garis panduan yang sedia ada, khususnya peraturan dan garis panduan Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*, dan Penilaian Impak Sosial, atau, dengan izin, *Social Impact Assessment (SIA)*.

Namun, program penyebaran maklumat mengenai penjana kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, pada peringkat kebangsaan, akan dilaksanakan terlebih dahulu. Program ini juga termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif dan dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Sekian. Terima kasih.